




**JABATAN LAUT MALAYSIA
BAHAGIAN PENDAFTARAN KAPAL**

GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PERLESENAN BOT

27 November 2020

	JABATAN LAUT MALAYSIA
	GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PERLESENAN BOT
	TARIKH KEMASKINI : 27 NOVEMBER 2020

1. PENGENALAN

1.1 Perundangan yang termaktub untuk bot yang dilesenkan di Malaysia adalah di bawah :

- a. Seksyen 473A hingga 485, Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 (OPS 1952); dan
- b. Kaedah Bot, 1953 (L.N. 312/1953).

1.2 Setiap bot yang belayar di mana-mana pelabuhan, sungai atau kawasan di Malaysia untuk tujuan di bawah perlu dilesenkan :

- a. Perdagangan atau perniagaan;
- b. Pengangkutan mana-mana individu selain daripada perdagangan atau perniagaan;
- c. Aktiviti sukan, riadah dan rekreasi.

2. KEPERLUAN PEMATUHAN

Perundangan ini terpakai ke atas semua bot yang tidak melebihi 500 GT (Tanan Kasar) dan sepertimana yang dinyatakan di bawah Seksyen 473A dan 473B, OPS 1952 dengan pengecualian seperti berikut :

1. Mana-mana kapal yang didaftarkan di bawah Bahagian IIA, OPS 1952; atau
2. Berkaitan dengan negeri Sabah, mana-mana kapal yang dilesenkan di bawah OPS 1960 Sabah; atau
3. Berkaitan dengan negeri Sarawak, mana-mana kapal yang dilesenkan di bawah OPS 1960 Sarawak.

3. RUJUKAN


Rujukan boleh dibuat kepada :

1. Seksyen 473 hingga 485, Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 (OPS 1952); dan
2. Kaedah Bot, 1953 (L.N. 312/1953).

4. KELAYAKAN PEMILIKAN

Individu atau sekumpulan individu atau syarikat tidak boleh dianggap sebagai pemilik bot berlesen melainkan dimiliki oleh individu atau sekumpulan individu atau syarikat dengan keterangan seperti berikut :

- a. Warganegara Malaysia; atau
- b. Syarikat yang ditubuhkan di Malaysia dan dimiliki oleh warganegara Malaysia (100%).

	JABATAN LAUT MALAYSIA
	GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PERLESENAN BOT
	TARIKH KEMASKINI : 27 NOVEMBER 2020

5. TEMPOH SAH LAKU LESEN BOT

Setiap Lesen Bot yang dikeluarkan hendaklah mempunyai tempoh sah laku tidak melebihi dua belas (12) bulan dari tarikh ia dikeluarkan **DAN tidak melebihi tarikh tamat tempoh polisi perlindungan insuran***, yang mana terawal.

**Syarat ini tidak terpakai bagi Sabah dan Sarawak.*

6. PERLINDUNGAN INSURAN*

6.1 Ia merupakan keperluan mandatori perlindungan insurans atau jaminan kewangan bagi semua kapal yang berada di dalam perairan Semenanjung Malaysia, perairan Wilayah Persekutuan Labuan dan/atau Zon Eksklusif Ekonomi Malaysia dimana telah mula berkuatkuasa semenjak 1hb Mac 2014 melalui Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan) 2011 [Akta A1393].


6.2 Keperluan mandatori ini juga terpakai kepada semua kapal termasuk kapal Malaysia dan bot berlesen di bawah 300 GT yang beroperasi di dalam perairan yang dinyatakan di atas.

6.3 Pemilik bot sewajarnya mendapatkan perlindungan insuran atau jaminan kewangan dari institusi yang berlesen di bawah Seksyen 8(1)(a), Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APK 2013) atau yang mendapat pengecualian dari Bank Negara Malaysia di bawah Seksyen 263, APK 2013.

6.4 Setiap polisi perlindungan insuran ini perlu mempunyai had liabiliti tidak kurang dari RM 1,600,000.00 (USD 400,000.00) dan mengandungi/melindungi lima (5) perkara :

- a. Pengabaian krew, penghantaran pulang, penyakit, kecederaan dan kehilangan nyawa; dan
- b. Pelanggaran objek tetap dan terapung dengan pengecualian pelanggaran kapal; dan
- c. Liabiliti pencemaran minyak; dan
- d. Pengalihan bangkai Kapal; dan
- e. Liabiliti Penumpang.

**Syarat ini tidak terpakai bagi Sabah dan Sarawak.*

	JABATAN LAUT MALAYSIA
	GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PERLESENAN BOT
	TARIKH KEMASKINI : 27 NOVEMBER 2020

7. KAEDAH PERMOHONAN

Permohonan untuk Perlesenan Bot perlu dikemukakan kepada Pejabat Perlesenan Bot (Jabatan Laut Wilayah).

Sila layari laman web Jabatan Laut Malaysia : www.marine.gov.my
(Prosedur →Perkapalan →Perlesenan Bot →Pelabuhan Perlesenan Bot)

bagi direktori perhubungan Pejabat Perlesenan Bot.

7.1 Jadual Fi

Rujuk kepada Jadual Dua Belas, OPS 1952 di www.marine.gov.my
(Prosedur →Perkapalan →Perlesenan Bot →Kadar Fi Lesen Bot)

7.2 Senarai Borang

Borang Perlesenan Bot boleh dimuat turun di www.marine.gov.my
(Perkhidmatan →Borang →Perkapalan →Permohonan Lesen Bot)

7.3 Permohonan Baharu

Pemilik bot perlu mengemukakan dokumen-dokumen kepada Pejabat Perlesenan Bot :

- a. Borang Permohonan Lesen Bot (**LAUT/LESENBOT/01/V2.0**).
- b. Borang Pengakuan Pemilikan Individu (**LAUT/LESENBOT/02/V2.0**); **ATAU**
- c. Borang Pengakuan Pemilikan Badan Korporat (**LAUT/LESENBOT/03/V2.0**).
- d. Surat Pemberian Kuasa jika pemilik melantik wakil untuk permohonan lesen.

Pemilikan Individu :

- e. Asal dan salinan diakui sah Kad Pengenalan Pemilik.


ATAU

Pemilikan Badan Korporat :

(asal dan salinan diakui sah)

- f. Sijil pendaftaran di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan;

ATAU

	JABATAN LAUT MALAYSIA
	GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PERLESENAN BOT
	TARIKH KEMASKINI : 27 NOVEMBER 2020


- g. Sijil pendaftaran di bawah Akta Syarikat.
- h. Artikel & Memorandum Syarikat.
- i. Return of Allotment of Share (Form 24).
- j. Register of Directors, Managers and Secretaries and Changes of Particulars (Form 49).
- k. Asal dan salinan diakui sah Perakuan Kekompetenan Nakhoda (COC) - **Warganegara Malaysia.**
- l. Asal dan salinan diakui sah Pelaut Nakhoda.
- m. Salinan ASAL - Sijil Pembinaan / Surat Akuan Pembinaan Bot yang tertera nama individu / syarikat sebagai pembeli (jika bot baru dibina); **ATAU**
- n. Salinan ASAL - Surat/Resit Jual Beli (bagi bot lama).
- o. Salinan ASAL - Surat / Sijil Pembatalan Lesen Bot (jika bot pernah didaftar / dilesenkan di luar negara).
- p. Salinan sijil-sijil statutori bot (jika bot pernah didaftarkan dengan Pendaftaran Kapal Malaysia / luar negara) :
 - International Tonnage Certificate 1969;
 - Cargo Ship Safety Equipment Certificate + Form E;
 - International Load Line Certificate.
- q. Gambar bot / Pelan Aturan Am.
- r. Polisi Perlindungan Insuran.

7.4 Permohonan Pembaharuan

Permohonan bagi memperbaharui Lesen Bot perlu dibuat dalam tempoh tujuh (7) hari sebelum Lesen Bot tamat tempoh.

Pemilik bot perlu mengemukakan dokumen-dokumen kepada Pejabat Perlesenan Bot :

- a. Borang Permohonan Pembaharuan Lesen Bot (**LAUT/LESENBOT/05/V2.0**).
- b. Surat Pemberian Kuasa jika pemilik melantik wakil untuk permohonan ini.
- b. Asal dan salinan diakui sah Perakuan Kekompetenan Nakhoda (COC) - **Warganegara Malaysia.**
- c. Asal dan salinan diakui sah Kad Pelaut Nakhoda.
- d. Polisi Perlindungan Insuran.

	JABATAN LAUT MALAYSIA
	GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PERLESENAN BOT
	TARIKH KEMASKINI : 27 NOVEMBER 2020

7.5 Permohonan Pertukaran Maklumat Pemilik / Pertukaran Hak Milik / Pindaan Kepada Hak Pemilikan

Pemilik bot perlu mengemukakan dokumen-dokumen kepada Pejabat Perlesenan Bot :

- a. Borang Permohonan Pertukaran Maklumat Pemilik / Pertukaran Hak Milik / Pindaan Kepada Hak Pemilikan **(LAUT/LESENBOT/04/V2.0)**.
- b. Borang Pengakuan Pemilikan Individu **(LAUT/LESENBOT/02/V2.0)**; **ATAU**
- c. Borang Pengakuan Pemilikan Badan Korporat **(LAUT/LESENBOT/03/V2.0)**.
- d. Surat Pemberian Kuasa jika pemilik melantik wakil untuk permohonan ini.

Pemilikan Individu :

- e. Asal dan salinan diakui sah Kad Pengenalan Pemilik.

ATAU


Pemilikan Badan Korporat :

(asal dan salinan diakui sah)

- f. Sijil pendaftaran di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan;

ATAU

- g. Sijil pendaftaran di bawah Akta Syarikat.
- h. Artikel & Memorandum Syarikat.
- i. Return of Allotment of Share (Form 24).
- j. Register of Directors, Managers and Secretaries and Changes of Particulars (Form 49).
- k. Salinan ASAL - Surat/Resit Jual Beli; **ATAU**
- l. Salinan ASAL - Bill of Sale (Individuals or Joint Owner) (Marine 237); **ATAU**
- m. Salinan ASAL - Bill of Sale (Body Corporate) (Marine 236).
- n. Lesen Bot asal.
- o. Polisi Perlindungan Insuran baharu.

	JABATAN LAUT MALAYSIA
	GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PERLESENAN BOT
	TARIKH KEMASKINI : 27 NOVEMBER 2020

7.6 Permohonan Pertukaran Nakhoda

Pemilik bot perlu mengemukakan dokumen-dokumen kepada Pejabat Perlesenan Bot :

- a. Borang Permohonan Pertukaran Nakhoda **(LAUT/LESENBOT/06/V2.0)**.
- b. Surat Pemberian Kuasa jika pemilik melantik wakil untuk permohonan ini.
- c. Asal dan salinan diakui sah Perakuan Kekompetenan Nakhoda (COC) - **Warganegara Malaysia**.
- d. Asal dan salinan diakui sah Kad Pelaut Nakhoda.
- e. Lesen Bot asal.

7.7 Permohonan Pindah Pelabuhan Perlesenan Bot

Pemilik bot perlu mengemukakan dokumen-dokumen kepada Pejabat Perlesenan Bot :

- a. Borang Permohonan Pindah Pelabuhan Perlesenan Bot **(LAUT/LESENBOT/07/V1.0)**.
- b. Surat Pemberian Kuasa jika pemilik melantik wakil untuk permohonan ini.
- c. Surat Pelayaran Sehala yang dikeluarkan oleh Pejabat Perlesenan lama (Keluar).
- d. Dokumen seperti di para 7.3 (e) – (q).
- e. Lesen Bot asal.
- f. Polisi Perlindungan Insuran baharu.

7.8 Permohonan Pertukaran Butiran Bot

Pemilik bot perlu mengemukakan dokumen-dokumen kepada Pejabat Perlesenan Bot :

- a. Borang Permohonan Pertukaran Butiran Bot **(LAUT/LESENBOT/08/V2.0)**.
- b. Surat Pemberian Kuasa jika pemilik melantik wakil untuk permohonan ini.
- c. Maklumat enjin yang diganti **(disertakan resit)**.
- d. Lesen Bot asal.
- e. Polisi Perlindungan Insuran baharu (jika melibatkan pertukaran nama bot / tanan kasar sahaja).

7.9 Permohonan Pembatalan Lesen Bot

Pemilik bot perlu mengemukakan dokumen-dokumen kepada Pejabat Perlesenan Bot :

- a. Borang Permohonan Pembatalan Perlesenan Bot **(LAUT/LESENBOT/09/V1.0)**.
- b. Surat Pemberian Kuasa jika pemilik melantik wakil untuk permohonan ini.
- c. Lesen Bot asal.



JABATAN LAUT MALAYSIA


GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PERLESENAN BOT


TARIKH KEMASKINI : 27 NOVEMBER 2020

7.10 Piagam Pelanggan

Memproses dan mengeluarkan Lesen Bot dalam tempoh 3 hari bekerja iaitu selepas mendapat pengesahan/kelulusan laporan pemeriksaan beserta dokumen sokongan yang lengkap.

7.11 Carta Alir Permohonan



	JABATAN LAUT MALAYSIA
	GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PERLESENAN BOT
	TARIKH KEMASKINI : 27 NOVEMBER 2020

Jabatan Laut Malaysia akan menyemak maklumat yang dikemukakan, walau bagaimanapun adalah menjadi tanggungjawab pemilik bot untuk memastikan bahawa semua maklumat yang dinyatakan di dalam borang permohonan adalah tepat. Sebarang maklumat yang tidak tepat akan menyebabkan kelewatan dalam proses pengeluaran Lesen Bot.